




KISAH KEJAYAAN HJ SHAH WAN BIN MANSOR

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
Name of PI1M Nama PI1M	Pusat Internet 1 Malaysia Kuala Klawang
Location Lokasi	Pi1M Kuala Klawang
Name of person(s) Nama	Hj Shah Wan Bin Mansor
Details of person (s) Butiran diri	68,Pesara guru
Success story Kisah kejayaan	<p>1. Bagaimana anda menggunakan internet untuk mencapai kejayaan anda, sila huraikan cerita anda</p> <p>Saya mengetahui tentang pusat internet ini apabila saya berkunjung ke sini pada awal tahun ini. Saya berminat untuk mengetahui apakah fungsi dan perkhidmatan yang disediakan di sini. Saya dimaklumkan oleh petugas yang berada di sini bahawa kelas kemahiran komputer yang dijalankan adalah percuma. Maka,sejak awal tahun ini saya berkunjung ke sini untuk mempelajari cara menggunakan komputer dan internet dengan betul. Saya hanya berkemampuan menggunakan Microsoft Office Word sahaja sebelum ini kerana saya merupakan bekas setiausaha jkkk kawasan berhampiran. Selain itu,selain menggunakan kemudahan komputer yang disediakan,saya juga pernah membawa komputer riba saya sendiri ke sini. Hal ini kerana saya boleh menggunakan komputer riba saya di rumah dengan lebih mudah kerana komputer yang sama digunakan sewaktu saya menghadiri kelas.</p> <p>2. Bagaimana anda memperbaiki hidup anda setelah mempelajari cara penggunaan internet.</p> <p>Banyak pengetahuan yang saya peroleh setelah</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p>mempelajari cara penggunaan komputer dan internet. Saya lebih pandai untuk menghantar emel bergambar, atau dalam bentuk tulisan kepada orang lain. Selain itu, saya telah mempunyai satu blog sendiri hasil belajar di sini. Saya baru bermula untuk memasukkan cerita mengenai tanaman yang saya usahakan di kebun saya iaitu kelapa pandan, ikan tilapia dan lain-lain. Saya juga boleh melihat laman facebook kebun-kebun orang lain dengan menggunakan internet. Oleh itu, saya boleh bertukar-tukar pandangan dengan mereka untuk memajukan dan meningkatkan hasil tanaman saya.</p>
<p>Keterangan gambar Photo caption</p>	<p>Huraikan aktiviti dan orang pada setiap gambar yang telah disediakan.</p> <div data-bbox="756 968 1341 1356" data-label="Image"> </div> <p>En Shah sedang mencuba alamat emel baru setelah tidak dapat menggunakan emel lama kerana tersalah kata luan</p> <div data-bbox="756 1488 1333 1860" data-label="Image"> </div>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p data-bbox="711 268 1401 348">En Shah sedang mengeksplorasi Microsoft Office Word berpandukan silibus Intel</p>  <p data-bbox="711 886 1401 963">En Shah dibantu oleh petugas Pi1M dalam menggunakan komputer riba sendiri</p>  <p data-bbox="711 1373 1401 1409">En Shah sedang belajar menggunakan medium blog</p> 

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p>Maklumat-maklumat mengenai diri, latar belakang, pendidikan, kebun, hasil tanaman dicatat terlebih dahulu untuk dimasukkan ke dalam blog beliau</p>
<p>Feedback Maklumbalas</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Apakah pandangan pertama anda terhadap PI1M? <p>Pada mulanya saya menyangka pusat internet ini hanya sekadar menyediakan kemudahan internet, wifi dan komputer untuk kegunaan pengunjung yang datang. Setelah saya mengunjungi pusat internet ini dan menghadiri kelas-kelas yang diadakan barulah saya faham mengenai fungsi pusat internet ini.</p> 2. Apakah tarikan utama anda untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI1M? <p>Tarikan utamanya terdapat banyak kemudahan komputer untuk kegunaan pengunjung selain kelas yang diadakan adalah percuma.</p> 3. Bagaimanakah cara PI1M dapat membantu bagi mencapai kejayaan individu/kumpulan lain? <p>Saya berpendapat bahawa silibus atau kelas yang diadakan banyak memberi peluang pada masyarakat untuk menambah ilmu pengetahuan serta meningkatkan pengetahuan tentang dunia digital.</p> 4. Berikan cadangan dan pandangan bagi menambah baik PI1M? (kemudahan, aktiviti latihan / kursus, promosi dan lain-lain. <p>Mungkin ruang interaksi/ruang yang lebih besar untuk pusat internet agar dapat memberi keselesaan kepada pengunjung.</p>